# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## AHAD 25 OGOS 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5. | CREATIVE MEASURE TO ALLEVIATE MALAYSIANS' COST OF LIVING, NEWS, THE STAR MALAYSIA -4<br>KERAJAAN PERLU ATASI KETIDAKSEIMBANGAN PERDAGANGAN DENGAN INDIA, KATA TERESA, NEWS, FREE MALAYSIA TODAY -6<br>MALAYSIA BINCANG LANGKAH WUJUDKAN IMBANGAN DAGANGAN LEBIH BAIK DENGAN INDIA, NEWS, BERNAMA.COM(ONLINE)<br>MALAYSIA BINCANG LANGKAH WUJUDKAN IMBANGAN DAGANGAN LEBIH BAIK DENGAN INDIA, NEWS, SINAR HARIAN(ONLINE)<br>MALAYSIA BINCANG LANGKAH IMBANG DAGANGAN DENGAN INDIA, KATA TERESA, NEWS, THE MALAYSIAN INSIGHT | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 6.<br>7.<br>8. | PASUKAN PENYELAMAT LEBAH, SUPPLEMENT, KOSMO AHAD -13-15<br>UNITY NOT A THORNY ISSUES WITH DURIAN, HOME, THE SUNDAY POST(KUCHING) -13<br>PINDAH SERANGGA PENDEBUNGA UNTUK KELESTARIAN ALAM SEKITAR, NEWS, KOSMO(ONLINE) | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 9.<br>10. | DIRECT MARKETING OF AGRICULTURAL PRODUCTS MARKET HIT REVENUE OF RM2.25MIL IN FIRST HALF YEAR, NORTHERN SARAWAK, SIN HUA DAILY NEWS -A4<br>FAMA JDTL CARNIVAL ENDING TODAY, NEWS, UNITED DAILY NEWS(KUCHING) -15 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 11.<br>12. | KERAJAAN NEGERI PERLU TANGGUNG KERUGIAN NELAYAN, NASIONAL, BERITA HARIAN -18<br>NGO BERHIMPUN BANTAH TAMBAKAN LAUT, NASIONAL, BERITA HARIAN -18 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 13.<br>14.<br>15. | PSS TERUS PROMOSI LATIHAN, LAHIR BELIA KOMPETEN DALAM PELBAGAI BIDANG PERTANIAN, NEWS, UTUSAN BORNEO(ONLINE)<br>RATU MUSANG KING, RENCANA, BERITA HARIAN -20<br>CETUSKAN NAMA MUSANG KING, RENCANA, BERITA HARIAN -21 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Creative measures to alleviate Malaysians' cost of living | | |
| MediaTitle | The Star Malaysia (www.thestar.com.my) | | |
| Date | 25 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,050 |

# Creative measures to alleviate Malaysians' cost of living

The minister with Finance Minister Lim (in red batik) and other VIPs checking the unsold food donated by a major hypermarket to Foodbank Malaysia in Penang last year.
I joined politics with clear idealism to help Malaysians live a better life. Therefore,...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kerajaan perlu atasi ketidakseimbangan perdagangan dengan India, kata Teresa | | |
| MediaTitle | Free Malaysia Today(www.freemalaysiatoday.com) | | |
| Date | 25 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 6 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,050 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,150 |

# Kerajaan perlu atasi ketidakseimbangan perdagangan dengan India, kata Teresa

Menteri Industri Utama Teresa Kok.
KUALA LUMPUR: Menteri Industri Utama Teresa Kok berharap untuk mengatasi ketidakseimbangan perdagangan dengan India bagi membolehkan lebih banyak minyak sawit masuk ke pasaran negara itu dengan duti import lebih rendah....

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Malaysia bincang langkah wujudkan imbangan dagangan lebih baik dengan India | | |
| MediaTitle | Bernama.com (www.bernama.com) | | |
| Date | 25 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,050 |

# Malaysia bincang langkah wujudkan imbangan dagangan lebih baik dengan India

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Kementerian Industri Utama akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi membincangkan langkah mewujudkan imbangan dagangan yang lebih baik antara ...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Malaysia bincang langkah wujud imbangan dagangan lebih baik dengan India | | |
| MediaTitle | Sinar Harian(www.sinarharian.com.my) | | |
| Date | 25 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 7 | Readership | 4 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# Malaysia bincang langkah wujud imbangan dagangan lebih baik dengan India

Menteri Industri Utama Teresa Kok (dua, kanan) memegang buku autograf KMJG 19 sempena Sambutan Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2019 di Endah Parade hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR - Kementerian Industri Utama akan mengadakan perbincangan deng...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Malaysia bincang langkah imbang dagangan dengan India, kata Teresa | | |
| MediaTitle | The Malaysian Insight (www.themalaysianinsight.com/bahasa) | | |
| Date | 25 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Malaysia bincang langkah imbang dagangan dengan India, kata Teresa

Dikemas kini 4 minit yang lalu · Diterbitkan pada 25 Aug 2019 11:21PM · 0 Komen
KEMENTERIAN Industri Utama akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi membincangkan langkah mewuju...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pasukan penyelamat lebah | | |
| MediaTitle | Kosmo Ahad | | |
| Date | 25 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 166,774 |
| Page No | 13TO15 | Readership | 500,322 |
| Language | Malay | ArticleSize | 2333 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 60,545 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 181,635 |

[redacted]




Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pasukan penyelamat lebah | | |
| MediaTitle | Kosmo Ahad | | |
| Date | 25 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 166,774 |
| Page No | 13TO15 | Readership | 500,322 |
| Language | Malay | ArticleSize | 2333 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 60,545 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 181,635 |







LEBAH menjadi agen dalam proses pendebungaan untuk hasil tanaman. – Gambar hiasan



LEBAH akan dimasukkan ke dalam kotak sebelum dipindahkan ke santuari lebah di UPM Serdang.



SARANG akan disemburkan dengan asap dan dibiarkan selama dua minit untuk proses yang seterusnya.

# Pindah serangga pendebunga untuk kelestarian alam sekitar

**Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) wujudkan inisiatif tanggungjawab sosial korporat dikenali sebagai MY Bee Saviour bagi menyelamatkan lebah negara daripada ancaman kepupusan.**



Oleh KHAIRIYAH HANAFI

CUACA pada petang itu cukup tenang sekali.

Dari jauh, kelihatan dua orang lelaki yang mengenakan sut berwarna kelabu dengan bahagian muka tertutup sedang bersiap sedia untuk melakukan operasi menyelamat lebah di salah sebuah bangunan di Serdang, Selangor.

Pertama kali mendengar operasi menyelamat lebah, kru *Panorama* termangu seketika.

Mana tidaknya, pada kebiasaannya, sarang lebah yang wujud di bangunan atau di kediaman dihapuskan menerusi kaedah pembakaran kerana umum sering dimomokkan dengan persepsi bahawa serangga tersebut membahayakan individu melalui sengatannya.

Bagaimanapun, berbeza pula kali ini apabila lebah tersebut diselamatkan iaitu dengan dipindahkan ke santuari lebah Serdang yang terletak di dalam Universiti Putra Malaysia oleh sekumpulan penyelamat lebah dikenali sebagai MY Bee Saviour.

"MY Bee Saviour yang diwujudkan sejak tahun 2017 merupakan sebuah badan tanggungjawab sosial korporat yang ditubuhkan di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Kami berperanan untuk mengurus peningkatan populasi lebah dengan memindahkan dari kawasan kediaman ke tempat yang lebih sesuai," jelas Izatul Lail Mohd. Yasar yang merupakan sekreteriat MY Bee Saviour.

Menurut pemuda berusia 38 tahun yang juga merupakan Pegawai Penyelidik di institusi itu lagi, inisiatif tersebut dilakukan selepas melihat spesies tersebut kini semakin diancam kepupusan.



LAIL

## Pendebungaan

"Malaysia kehilangan hampir semua lebah madu ternak sekitar 1996 hingga 1997 sehingga meruntuhkan industri penternakan. Pada tahun 2014 pula, populasi lebah tualang berkurang sekitar 50 peratus berbanding tahun 1993.

"Malah di Amerika dan negara-negara Barat, mereka menghadapi fenomena dipanggil *colony collapsed disorder* sejak tahun 2007 yang menyaksikan kehilangan berjuta-juta koloni lebah.

"Mungkin ramai yang tidak sedar kehilangan lebah menyebabkan *tiada* lagi buah-buahan, sayur dan buah masakan seperti mangga, durian, rambutan, belimbing, timun, terung, kekacang dan lain-lain. ▶



PETUGAS lebah memakai sut khas sebelum kerja-kerja pemindahan dijalankan.

**EKSTRA**

### Tip keselamatan

- Jika ada bangkai lebah di lantai, sapu dan buang untuk elakkan daripada terpijak dan bisa menyengat
- Jika ada kerumunan lebah berterbangan, elakkan berada berhampirannya
- Jika ada lebah bersarang di rumah pastikan laluan terbang keluar dan masuk ke sarangnya tidak dihalang
- Elakkan daripada menyentuh lebah yang sedang menyeri bunga kerana ia akan menyengat jika rasa terancam
- Tutup rongga-rongga gelap seperti bumbung, bilik air, stor yang menarik lebah untuk jadikannya sebagai tempat bersarang
- **Facebook:** *penyelamatlebah*
- **Instagram:** *penyelamatlebah*
- **Twitter:** *penyelamatlebah*

Sumber: penyelamatlebah

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pasukan penyelamat lebah | | |
| MediaTitle | Kosmo Ahad | | |
| Date | 25 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 166,774 |
| Page No | 13TO15 | Readership | 500,322 |
| Language | Malay | ArticleSize | 2333 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 60,545 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 181,635 |




PROSES pemindahan lebah mengambil masa kira-kira 30 minit bergantung kepada saiz sarang yang dihasilkan oleh serangga tersebut.

"Ini kerana, sebanyak 75 peratus tanaman makanan dan hampir 90 peratus tumbuhan liar bergantung kepada haiwan pendebunga seperti lebah," jelasnya.

Tambahnya lagi, kehilangan lebah banyak menjadikan buah-buahan dan sayur-sayuran tidak dapat dihasilkan dan menyebabkan harga sumber makanan melonjak naik.

Bukan itu sahaja, kelestarian tumbuhan sumber biodiversiti seperti kayu-kayan yang berharga dan bunga-bungaan yang menghias landskap indah sekitar Malaysia juga terjejas dan tidak dapat membiak.

Justeru secara tidak langsung dengan kewujudan MY Bee Saviour ini, mereka dapat menyedarkan masyarakat mengenai kelestarian lebah dengan memperkenalkan semula serangga itu di kawasan pertanian yang tiada lebah dan menilai ancaman kepupusan dan keberkesanan inisiatif.



FAHIMEE

Bercerita lebih lanjut menurut lelaki yang mesra di sapa Lail ini lagi, kebiasaannya proses pemindahan lebah tersebut mengambil masa 30 minit bergantung kepada kecil atau besar sarang serangga tersebut.

Menerusi operasi yang melibatkan antara tiga hingga lima orang petugas itu, mereka akan memakai kelengkapan keselamatan seperti baju khas, but dan sarung tangan.

"Kerja-kerja pemindahan ini dilakukan tanpa mengenakan sebarang caj. Peralatan yang digunakan dalam operasi ini ialah kotak sarang lebah, pisau pemotong, klip perangkap ratu, pengasap dan penyembur air.

"Biasanya sebaik aduan diterima, kami akan meminta maklumat lanjut mengenai lokasi sarang lebah tersebut seperti gambar, anggaran ketinggian dari tanah dan anggaran tempoh masa bersarang.

"Mengambil contoh pemindahan lebah jenis Apis cerana di UPM pada hari ini, asap akan disemburkan di kawasan lebah bersarang dan dibiarkan dalam masa dua minit.

"Kemudian, sisir paling tepi sarang akan dipotong dan diikatkan pada bingkai lebah sebelum ia disusun dalam kotak seperti kedudukan asal. Langkah ini diulang sehingga semua sisir selesai dipotong, diikat dan dimasukkan ke dalam kotak," jelasnya.

## 500 kes

Cerita Lail lagi, sewaktu dalam proses pemotongan sisir, mereka perlu peka dengan kewujudan ratu. Ratu yang ditemui akan ditangkap menggunakan klip perangkap ratu dan dimasukkan ke dalam kotak.

"Jika tidak dapat ratu, air perlu disembur ke arah kelompok lebah sebelum ia dikaut masuk ke dalam kotak sehingga kebanyakan lebah memenuhi ruang tersebut.

"Kotak kemudian diletakkan di luar bangunan, berhampiran kedudukan asal dan dibawa ke lokasi baharu yang lebih sesuai. Di MARDI, kajian sedang dijalankan untuk menghasilkan teknik pemindahan yang lebih efektif dan efisien," jelasnya.

Biarpun lagi menurut Lail, kebiasaannya teknik pemindahan bergantung kepada spesies dan tempoh masa bersarang.

Jelasnya lagi antara lebah yang sering diselamatkan ialah jenis lebah kampung (*Apis cerana*), lebah tualang (*Apis dorsata*) serta lebah lalat (*Apis florea* dan *Apis andreniformis*)

Setakat ini, pihaknya berjaya menyelamatkan lebih 500 kes di seluruh negara.

Tiada sebarang caj dikenakan bagi operasi menyelamat yang dijalankan.

Bergelumang dengan serangga terbang sosial yang hidup berkelompok ini, Pegawai Penyelidik Pusat Penyelidikan Agrobiodiversiti dan Persekitaran MARDI, Mohd. Fahimee Jaapar, 35 berkata, haiwan tersebut sebenarnya merupakan spesies yang mesra.

"Lebah tidak berbahaya. Tetapi sejak dari zaman dahulu masyarakat kita mempunyai perspektif negatif terhadap serangga ini dan melihat mereka sebagai satu ancaman.

"Lazimnya lebah akan mengancam individu jika berasakan koloni terancam atau terganggu dengan bunyi bising atau persekitaran yang mengejut.

"Kita perlu sedar lebah bermanfaat dalam pendebungaan untuk hasil tanaman. Serangga ini memberi servis pendebungaan percuma kepada tanaman-tanaman yang diusahakan oleh manusia.

"Memang serangga lain seperti lalat boleh menjalankan pendebungaan tetapi ia tidak sehebat lebah," jelasnya.

Jelasnya lagi, masyarakat hari ini perlu mengubah stigma mereka terhadap lebah.

"Kita perlu mengurangkan tanggapan bahaya serangan lebah kepada masyarakat. Kalau diikutkan, kita sebenarnya yang merosakkan habitat lebah.

"Menerusi MY Bee Saviour ini, secara tidak langsung mampu membuka mata orang ramai untuk melestarikan lebah demi kelestarian sejagat," jelasnya.

Setakat ini inisiatif MY Bee Savior disertai oleh lebih 200 orang sukarelawan yang turut berkorban masa, wang ringgit dan tenaga menyelamatkan lebah di seluruh negara.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Unity not a thorny issue with durian | | |
| MediaTitle | The Sunday Post (Kuching) | | |
| Date | 25 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 65,012 |
| Page No | 13 | Readership | 195,036 |
| Language | English | ArticleSize | 301 cm² |
| Journalist | Sakini Mohd Said | AdValue | RM 4,105 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 12,315 |



# Unity not a thorny issue with durian

By **Sakini Mohd Said**

**KUALA LUMPUR:** My friend and I were sipping hot 'teh o' one evening at a stall in Wangsa Maju here when suddenly, in between taking mouthfuls of crunchy 'goreng pisang', we spied a poster plastered on a nearby tree advertising a durian fest.

'Just pay RM50 and eat all you want till you faint', screamed the poster. No true-blue durian lover, including my pal Adila Abdul, 33, would want to miss such an irresistible offer.

Adila is so smitten with the king of fruits that she cannot possibly go past any durian seller without stopping by to buy a fruit or two, her favourite being the kampung varieties that can be found in abundance at roadside stalls.

Adila, a civil servant, observed that the durian eating trend has evolved over the years. During the 1990s, she recalled, one could only enjoy the thorny delight at home or in the orchard back in the kampung owned by the family, relatives or friends. Due to its rather potent aroma which many people find unpleasant, the fruit was a definite no-no in enclosed areas like offices and hotels.

However, of late the corporate sector has appeared to be more receptive to the durian eating culture with companies and even five-star hotels organising durian fests at their premises.

Adila is a staunch fan of durian fests.

"It is a chance for durian enthusiasts like me to indulge in our favourite fruit. Well, you just have to pay a certain amount and can eat as much as you want.

"It's much more economical than buying from the roadside stall or market where we have to pay up to RM70 for just two fruits and we're not even sure if their contents are good."

Durian fests, she stressed, provide the public with an opportunity to enjoy the more expensive varieties like Musang King, Udang Merah and IOI, as well as the different types of hybrid durian. The price of Musang King, for instance, can be anything from RM45 to up to RM90 per kilogramme (depending on the grade).

Adila also pointed to Malaysia's first-ever durian-based agrotourism centre, developed by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) and located in Kuala Kangsar, Perak.

Dubbed Duriotourism Kuala Kangsar, it is a haven for durian devotees who can indulge in various types of durians, including hybrid varieties developed by MARDI researchers, for just RM50.

Adila finds the 'eat all you can' offer truly worthwhile, more so when the price also includes savouring other durian-based delicacies like ice-cream and serawa durian – a dessert made of durian pulp, coconut milk and gula Melaka – as well as other local fruits such as rambutan and mangosteen.

The durian – long regarded as a kampung fruit without any real value due to its overwhelming odour – has in recent times been given a fillip in terms of its image, largely due to the entry of high-quality hybrids that are sold at outrageous prices.

Take, for instance, the Black Thorn durian. It is sold at about RM110 a kilogramme in the domestic market while in the international market, the price escalates to RM300 per kg. It looks like the more exclusive durian varieties are only within the reach of those with deep pockets!

Price aside, I have observed that all these durian fests or buffets not only provide durian lovers with a chance to satiate their appetite but also serve as an avenue for racial integration because, in Malaysia, the love for the thorny fruit transcends race and religion.

With people of various races gathered under one roof to indulge in durian, these fests are, in fact, the perfect platform to rekindle the spirit of unity.

I have visited durian fests several times and I have found the atmosphere there lively and convivial with people happily interacting with each other regardless of race, religion, culture and even political affiliation.

At my workplace, the Malaysian National News Agency (Bernama), the staff club organises a 'pesta durian' practically every year and it is just RM10 per person.

Yes, it is just RM10 and durian fans can get their fill of their favourite fruit. But more than that, the fest draws staff from the various departments and fosters camaraderie. It is also the time to meet new friends and strengthen existing friendships.

Interestingly, durian fests are not only attracting locals but also tourists who have acquired a liking for the rich and creamy pulp and enjoy eating it in the company of like-minded people.

And, I am sure that when they return to their homeland, they would talk to their family and friends about our durian fests and how they promote harmony among the multiracial population.

The durian is unique as it not only tastes delicious but, more importantly, also has the ability to bring the rakyat together. Indeed, the term 'king of fruits' is an apt description for the durian.

The durian season has not ended yet and since our National Day celebrations are just around the corner, what better way to forge unity than by organising and participating in durian fests. — Bernama

*(The views expressed in this commentary are the writer's own.)*

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pindah serangga pendebunga untuk kelestarian alam sekitar | | |
| MediaTitle | Kosmo(www.kosmo.com.my) | | |
| Date | 25 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,050 |

# Pindah serangga pendebunga untuk kelestarian alam sekitar

Dari jauh, kelihatan dua orang lelaki yang mengenakan sut berwarna kelabu dengan bahagian muka tertutup sedang bersiap sedia untuk melakukan operasi menyelamat lebah di salah sebuah bangunan di Serdang, Selangor.
Pertama kali mendengar operasi menyelamat...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Direct marketing of agricultural products market hit revenue of RM2.25mil in first half year | | |
| MediaTitle | See Hua Daily News | | |
| Date | 25 Aug 2019 | Color | Black/white |
| Section | Northern Sarawak | Circulation | 63,549 |
| Page No | A4 | Readership | 190,647 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 359 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,013 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,038 |





砂交通部长拿督李景胜主持"农产品直销市集"开幕礼。



联邦农业销售局（FAMA）在星城购物广场举行"农产品直销市集"（JTDL），为消费者提供新鲜的农产品及加工品。



李景胜参观参展摊位。

# 農產品直銷市集
# 首半年營業額225萬

（本报美里24日讯）联邦农业销售局（FAMA）从本月22日至24日在星城购物广场举行"农产品直销市集"（JTDL），共有33人参与，为消费者提供新鲜的农产品及加工品。

砂交通部长拿督李景胜今午代表砂副首长拿督阿玛道格拉斯出席"农产品直销市集"开幕礼。

李景胜说，去年在全国各地举办的农产品直销市集共有819人参与，今年截至6月已达到503人，今年首6个月的总营业额更是突破225万令吉，数据显示人们对新鲜便宜的农产品需求越来越高。

"很高兴看到此次活动超过半数的参与者为青年人，由此可见，本地有不少青年投身农业及农基领域。据知，昨日的营销额已经超过3万令吉，相信今天的反应会更好。"

## 6人參加合約農場計劃

他说，现场售卖的农产品都是直接来自农场，因此，在农产品直销市集贩售的农产品低于一般市价5至20%，小部分更是超过30%，农民则可以有机会获得40至50%的利润。

他建议"农产品直销市集"参与者透过参与活动来提升市场销售经验，改善包装、标签、展示等，以加强市场竞争能力。

他说，在美里共有6人参与联邦农业部下的"合约农场计划"（Program Ladang Kontrak），以确保农产品能获得同等回酬，增加业者收入。参与者种植西瓜、黄梨、香蕉、特定果、辣椒、长豆、山竹等农作物。

他呼吁农民跟上时代步伐，善用数码科技进行网上营业，甚至将产品出口到其他国家。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | FAMA JDTL carnival ending today | | |
| MediaTitle | United Daily News (Kuching) | | |
| Date | 25 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 39,116 |
| Page No | 15 | Readership | 117,348 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 553 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,942 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 8,826 |



（本报美里24日讯）联邦农业销售局（FAMA）从本月23日至25日在美里星城购物广场举行的“农产品直销市集”（JTDL）为期3天，从上午10时开始至晚上10时营业，共有35名业者参与这项计划，为消费者提供新鲜的农产品及加工品。

## 比市價便宜5至20%

# 農產品直銷市集最後一天



砂交通部长拿督李景胜为联邦农业销售局（FAMA）举办的农产品直销市集（JTDL）主持开幕。

采访：刘丽美

砂交通部长拿督李景胜今日下午代表砂副首长拿督阿玛道格拉斯出席“农产品直销市集”主持开幕后，受访时如是指出，去年在全国各地举办的农产品直销市集共有819人参与，今年截至6月已达到503人。

他续说，今年首6个月的总营业额更是突破225万令吉，数据显示人们对新鲜便宜的农产品需求越来越高。

他说，现场售卖的农产品都是直接来自农场，在农产品直销市集贩售的农产品低于一般市价5至20%，小部份更是超过30%，农民则可以直接获得30至50%的利润。

“很高兴看到此次活动超过半数的参与者为青年人，由此可见，本地有不少青年投身农业及农事领域。据知，昨日的销售额已经超过5万令吉，相信今天的反应会更好。”

他透露，在美里共有6人参与联邦农业部下的“合约农场计划”（Program Ladang Kontrak）以确保农产品能获得同等回酬，增加业者收入。参与者种植西瓜、黄梨、香蕉、哈密瓜、辣椒、长豆、山竹等农作物。

李景胜建议，“农产品直销市集”参与者通过参与活动来提升市场销售经验，改善包装、标签、展示等，以加强市场竞争能力，同时也呼吁农民跟上时代步伐，善用数码科技进行网上营业，甚至将产品出口到其他国家。



拿督李景胜现场叫卖。



拿督李景胜（左2）品尝参与者种植的黄梨。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/8/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 18 |

Korek pasir, tambak laut

# Kerajaan negeri perlu tanggung kerugian nelayan

## Pencerobohan kapal asing turut ganggu ekosistem hidupan marin

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias
wanti@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan negeri perlu bertanggungjawab terhadap kesan buruk ditanggung nelayan, ekoran kemusnahan alam sekitar berikutan kegiatan mengorek pasir serta penambakan pantai yang berleluasa sejak kebelakangan ini.

Pakar Alam Sekitar, Dr Mohd Yusoff Ishak, berkata kerajaan negeri dan pemilik permit korek pasir memperoleh keuntungan besar tetapi nelayan dan penduduk sekitar menanggung kerugian pendapatan serta kehilangan mata pencarian akibat kegiatan itu.

Beliau yang juga pensyarah kanan di Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia, berkata setakat ini, tiada peruntukan daripada kerajaan negeri untuk pemuliharaan alam sekitar yang terjejas.

Katanya, kerajaan negeri menerusi Jabatan Tanah dan Galian (PTG) masing-masing mengeluarkan permit tetapi penguatkuasaan adalah di bawah Kerajaan Persekutuan menerusi beberapa jabatan di kementerian berbeza.

"Antara jabatan terbabit ialah Jabatan Perhutanan untuk perlindungan paya bakau, Jabatan Alam Sekitar apabila kualiti air dan hidupan laut terjejas dan Jabatan Laut jika ada kapal masuk ke perairan tanpa kebenaran.

"Jabatan Perikanan pula jika sumber hasil laut terjejas dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia jika membabitkan jenayah di laut," katanya kepada *BH*.

*BH* semalam mendedahkan kegiatan mengorek pasir, penambakan pesisir pantai serta pencerobohan nelayan asing adalah di antara punca utama menjejaskan hasil laut nelayan negara ini.



*Mohd Yusoff Ishak*

Kemusnahan hutan bakau pinggir laut, sama ada akibat hakisan atau penebangan secara haram juga menyebabkan hidupan seperti siput dan kerang semakin pupus.

Selain menjejaskan pendapatan ribuan nelayan tempatan yang selama ini menjadikan pesisir pantai sebagai sumber rezeki mereka, penurunan hasil laut itu turut memberi kesan kepada bekalan, sekali gus menyebabkan kenaikan harga di pasaran.

Mohd Yusoff berkata, penyelarasan kuasa semua agensi penting untuk mencapai keberkesanan dalam menangani isu itu secara proaktif dan menyeluruh.





*Keratan akhbar BH, semalam*

Katanya, ini berikutan negara sedang berdepan isu sumber alam sekitar, keselamatan bekalan makanan dan hasil laut yang semakin terjejas.

"Sumber alam sekitar seperti pokok paya bakau mengambil masa lama untuk diperbaharui, tetapi kegiatan korek pasir ini boleh dilihat berlaku tanpa kawalan dan sempadan," katanya.

Beliau berkata, kegiatan korek pasir ini dilakukan sebelum permit dimohon menyebabkan kerajaan negeri tiada pilihan kecuali meluluskan kerana bimbang kerja pembangunan terencat.

"Kerajaan negeri tidak boleh terus bergantung kepada hasil balak dan pasir kerana isu alam sekitar yang dihadapi di negara kita semakin tenat," katanya.

Mohd Yusoff berkata, hasil tinjauannya ketika melakukan Kajian Logam Berat Dalam Ikan pada 2018 dan lawatan bersama komuniti di perairan seluruh negara, beliau mendapati kegiatan korek pasir sehingga menjejaskan tangkapan nelayan banyak berlaku di Pulau Pinang, Kedah, Selangor, Melaka dan Johor.

"Kegiatan mengorek pasir itu sejajar dengan pembangunan yang rancak dilaksanakan di negeri masing-masing atau memenuhi permintaan negeri lain, bagaimanapun ia mengabaikan kesan alam sekitar dan penduduk berhampiran.

"Terdapat juga kapal-kapal asing dari China yang masuk perairan negara bukan sekadar menyedut pasir tetapi juga menyedut besi kapal lama yang karam di dasar laut untuk dijual sebagai barang lusuh.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/8/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 18 |

# NGO berhimpun bantah tambakan laut




*Nelayan bersama NGO melakukan demonstrasi aman membantah projek tambakan laut di Padang Polo, Pulau Pinang, semalam.* [FOTO MIKAIL ONG/BH]

**Georgetown:** Hujan tidak menghalang sekumpulan nelayan dan ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar menyertai perhimpunan aman membantah cadangan tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR).

Perhimpunan aman anjuran Persatuan Nelayan Pulau Pinang (PEN Mutiara) dengan kerjasama Penang Forum itu disertai lebih 200 nelayan tradisi dari seluruh negeri dan ahli NGO di Padang Polo dekat sini, mulai jam 5 petang semalam.

Pengerusi PEN Mutiara, Nazri Ahmad, berkata perhimpunan itu bertujuan menterjemahkan bantahan secara berterusan terhadap cadangan projek PSR yang akan menjejaskan pendapatan golongan nelayan, bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi termasuk negeri berjiran.

"Nelayan Pulau Pinang ketika ini bersendirian dalam menangisi dan meratapi kerosakan ekosistem serta kemerosotan sumber pendapatan utama kami kerana hari demi hari laut diceroboh mereka yang tamak.

"Golongan ini mementingkan tembolok mereka sehingga sanggup membiarkan golongan nelayan dan keluarga kami meratapi hari esok yang semakin kelam.

"Mungkin ada suara menyatakan nelayan hanya menyalak bukit, tetapi kami akan terus berjuang demi sesuap nasi walaupun kerajaan seakan mengetepikan suara kami," katanya ketika berucap di perhimpunan itu.

Yang turut hadir, Pengerusi Persatuan Nelayan Selatan Pulau Pinang, Arshad Omar dan Ahli Jawatankuasa Penang Forum, Khoo Salma Nasution.

Baru-baru ini, Majlis Perancangan Fizikal Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju dengan pelaksanaan PSR dan meminta kerajaan negeri mematuhi 18 nasihat ditetapkan.

Sebelum ini, kerajaan negeri bercadang menjalankan projek PSR dengan keluasan lebih 2,600 hektar bagi membina tiga pulau buatan untuk membiaya Pelan Induk Pengangkutan (PIP), dianggar bernilai RM49 bilion.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | PSS terus promosi latihan, lahir belia kompeten dalam pelbagai bidang pertanian | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 25 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# PSS terus promosi latihan, lahir belia kompeten dalam pelbagai bidang pertanian

SANDAKAN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah melalui Politeknik Sandakan Sabah (PSS) akan terus mempromosikan program latihan untuk melahirkan golongan belia yang kompeten dalam pelbagai bidang pertanian.
Pembantu Menterinya, Dr Daud Yusof ...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/8/2019 | BERITA HARIAN | RENCANA | 20 |





# Ratu Musang King

## Tinggalkan dunia fesyen untuk menjadi pekebun durian kelas A

**Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim**
nfazlina@bh.com.my

**Bermula** menanam sebatang pokok durian Musang King, 35 tahun lalu, mengubah hidup anak kelahiran Gua Musang, Kelantan, Chong Yok Fong atau dikenali sebagai Tina Chong daripada pereka fesyen kepada ratu Musang King.

Lima tahun bekerja sebagai pereka fesyen di Singapura, akhirnya disebabkan minat menanam pokok durian dan makan buah itu membuatkan beliau tekad menjadi pekebun.

Anak keenam daripada 10 beradik berusia 51 tahun itu sendiri tidak menyangka kehidupannya kini jauh berbeza dengan berbanding dahulu dan mengabdikan diri dalam bidang itu sehingga dikenali bukan sahaja di Kelantan, malah di luar negara.

Kebun seluas 16 hektar dengan lebih 1,000 pokok itu kebanyakannya ditanam dengan Musang King.

Lebih membanggakan, anak jati dari Kampung Batu Papan 2, Gua Musang ini adalah individu pertama menamakan durian kunyit kepada nama baharu, iaitu Musang King, bersempena nama daerah berkenaan sehingga digunakan di seluruh negara.

### Kebun di atas bukit

Penulis sempat meluangkan masa hampir sehari bersama Tina bagi melihat lebih dekat cara wanita itu mengendalikan kebunnya yang menghasilkan buah sedap dan berkualiti.

Ketika penulis dibawa ke kebunnya, terletak di atas bukit, mereka menaiki kenderaan pacuan empat roda dan perjalanan mengambil masa kira-kira 45 minit dari bandar Gua Musang.

Sepanjang perjalanan, penulis berkali-kali memuji kehebatan Tina mengendalikan kenderaan pacuan empat roda walaupun keadaan jalan agak curam dan sempit.

Namun, Tina hanya tenang memandu sambil ada ketikanya ketawa apabila melihat penulis agak gusar dan takut melihat laluan untuk sampai ke kebunnya.

Sebaik tiba di kebun, kami

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/8/2019 | BERITA HARIAN | RENCANA | 21 |

# Cetuskan nama Musang King

**Asal** usul durian Musang King bermula apabila Tina mengkahwinkan durian biasa dari Kampung Pulau Raya, Tanah Merah dengan dengan durian kunyit.

Tina berkata, ketika itu Musang King dikenali sebagai durian kunyit dalam kalangan orang Melayu dan kemudian beliau memberi nama baharu sempena pucuk pokok pertama yang diambil.

"Bermula dari situ saya menamakan sebagai Musang King bersempena nama Gua Musang. Saya minat menanam dan makan durian meskipun, ketika itu saya masih bekerja bekerja di Singapura sebagai pereka fesyen.

"Beberapa tahun kemudian saya mengambil keputusan berhenti kerja kerana merasakan jiwa lebih tenang apabila menghabiskan masa di kebun," katanya.

Tina berkata, separuh daripadanya pokok durian yang ditanamnya sudah mengeluarkan hasil.

Katanya, pokok pertama mengambil masa 15 tahun mengeluarkan buah.

Bagaimanapun, selepas mengikut kursus khas, kini setiap pokok mengambil masa lima hingga tujuh tahun berbuah.

Beliau bangga setiap kali musim buah, Musang King akan dieksport ke China, Singapura dan Hong Kong.

"Musang King hanya diperoleh dua bulan, iaitu akhir Jun hingga Ogos, manakala bulan lain, saya menghabiskan masa menjaga kebun dengan membaja dan menyiram air supaya pokok itu mengeluarkan hasil lumayan.

"Setiap kali musim durian, jadual harian saya padat dan tidur beberapa jam sahaja sehari kerana lebih empat kali masuk ke kebun bermula jam 4 pagi untuk mengutip buah sebelum dijual kepada pelanggan serta pemborong.

"Tahun ini, durian agak menjadi seperti tahun lalu dan sekilo bagi durian Musang King gred A dijual dengan harga RM50 manakala, gred B pula RM35 bagi sekilogram. Sambutan diterima memang menggalakkan setiap tahun sehingga saya tidak menang tangan.

"Bagi memastikan isi buah elok, hampir semua kawasan kebun dipasang pukat supaya buah tidak jatuh ke tanah. Untuk pastikan isi yang sedap saya perlu memastikan pokok diberi baja organik mengikut jadual dan perlu bekalan air mencukupi," katanya yang turut dibantu adik beradik.

Katanya, harga durian musang king setiap tahun berbeza, bergantung kepada hasil diperoleh.

Hasil banyak dijual harga murah. Dulu pada 2015, harga musang king RM100 sekilogram.

"Walaupun sekarang ramai tanam buah itu, namun saya tidak gusar kerana cara tanaman setiap orang berbeza dan sambutan setiap tahun tidak pernah berkurangan serta rasanya tidak dapat ditandingi di tempat lain.



Tina (berdiri dua dari kiri) bersama adik-beradiknya menjual durian Musang King di gerainya di Kampung Papan 2. (Foto Fathil Asri / BH)



Tina (tengah) bersama adik dan kakaknya sentiasa memantau buah durian di kebunnya.

> Bermula dari situ saya menamakan sebagai Musang King bersempena nama Gua Musang. Saya minat menanam dan makan durian meskipun, ketika itu saya masih bekerja bekerja di Singapura sebagai pereka fesyen"
>
> **Chong Yok Fong,**
> Pengusaha

disambut 15 ekor anjing yang menjaga kebun itu dan memandangkan penulis tidak biasa di situ sudah tentu menjadi sasaran anjing menyebabkan penulis dan jurugambar tidak boleh berenggang dengan Tina sepanjang berada di lokasi.

**Ramai gelar Tina 'gila'**

Melihat ketangkasan Tina mengendalikan kebun dan memanjat pokok, selain kejayaannya cemerlang dan kecekalan, tidak mustahil mengapa namanya meniti di bibir penggemar Musang King setiap kali musim itu.

Bayangkan, ketika berjalan melihat kebun berkenaan, secara tiba-tiba Tina berhenti sambil memaklumkan ada buah yang jatuh sedangkan penulis sendiri tidak mendengar ada buah gugur.

Sebaliknya Tina memaklumkan beliau tahu ada buah gugur tidak jauh daripadanya berdasarkan bau dan tidak sampai dua minit, wanita itu berjaya menemui buah itu seberat 1.5 kilogram dijual dengan harga RM50 sebiji.

Beliau berkata, pokok pertama yang diusahakan dulu sehingga sekarang masih hidup dan berbuah lebat.

Ketika beliau mula menanam di atas bukit itu, ramai yang menganggapnya gila kerana membuat benda sia-sia dan tidak masuk akal, namun siapa sangka kini semakin ramai mengikut jejak langkahnya yang mampu meraih pendapatan lumayan.



Pekerja Tina mengikat buah durian Musang King supaya tidak jatuh ke tanah bagi mengekalkan kualiti buah.